

# ILMU KEBAL BERLAWANAN DENGAN ISLAM

**A**LUR SETAR 13 Dis. — Datuk Sri **Dr. Mahathir Mohamad** berkata, **ajaran Ibrahim Libya kepada pengikutnya bahawa mereka mempunyai ilmu kebal adalah berlawanan dengan ajaran Islam yang sebenar.** UM 14 Dec 1995

Perdana Menteri menarik perhatian, jika orang Islam boleh memakai ilmu kebal, sudah tentu Nabi Muhammad S.A.W., Ibnu Hamzah dan para pemimpin Islam yang lain tidak mendapat cedera dalam peperangan Uhud yang bersejarah itu di zaman Rasulullah dahulu.

Katanya, kejadian berdarah di Kampung Memali, Baling 19 November lalu adalah contoh paling ketara, adanya pengikut - pengikut ajaran karut kononnya mereka kebal dan tidak ditembusi peluru.

Tetapi malang sekali mereka sendiri tidak menyedari telah menjadi mangsa ajaran tidak betul dan akhirnya terkorban, kata Perdana Menteri.

Berucap merasmikan persidangan perwakilan ke-14

Oleh Azizan Hashim

Kesatuan Kebangsaan Guru - Guru Agama Malaysia Barat di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, punca berlaku peristiwa berdarah itu mungkin disebabkan mereka yang terlibat itu terpengaruh dengan ajaran mengatakan polis dan kerajaan kafir dan menghalalkan darah orang Islam.

Bagaimanapun beliau berharap umat Islam akan mempelajari dari dua peristiwa pahit masa lalu iaitu tindakan segolongan pengikut ajaran salah yang menyerang balai polis di Batu Pahat dan peristiwa berdarah Kampung Memali yang mengorbankan 18 orang termasuk 4 anggota polis.

Perdana Menteri juga melahirkan rasa hairan bagaimana boleh diterima akal orang yang bersenjatakan pedang dapat menentang pasukan polis yang mempunyai senjata api.

"Tetapi oleh kerana dipengaruhi oleh pemimpin mereka dengan ajaran - ajaran yang bercanggah dengan akidah Islam dan pelbagai tafsiran yang meyakinkan mereka tetap mempercayainya," katanya.

LIHAT MUKA 6

14 DEC 1985

Perdana Menteri menegaskan dalam kejadian di Kampung Memali, polis tidak berniat sama sekali untuk membunuh orang yang tidak berdosa, tetapi malangnya semasa polis

masuk ke rumah Ibrahim Libya, polis telah diserang hendap dengan senapang patah.

Perdana Menteri percaya orang-orang kampung biasa tidak berbuat demikian atau sanggup membunuh orang lain, tetapi kerana percaya kepada ajaran guru mereka, sekalipun ajaran itu salah, mereka terus bertindak ganas sehingga sanggup membunuh anggota polis.

"Mereka memang berniat untuk membunuh anggota polis sebab itu semasa polis masuk ke rumah Ibrahim Libya tidak ada sebarang tembakan amaran dilepaskan, sebaliknya terus melepaskan tembakan ke arah polis dengan tujuan membunuh.

"Inilah bahayanya ada guru yang tidak bertanggungjawab yang hanya nampak peluang untuk kepentingan diri sendiri dengan menyampaikan ajaran salah," jelasnya.

Perdana Menteri berkata, mereka yang bersalah ialah orang yang membawa ajaran salah dan dalam hubungan ini Ibrahim Libya telah membawa ajaran salah sehingga para pengikutnya sanggup membunuh orang Islam yang lain.

"Dialah yang menyebabkan orang lain

terkorban di Kampung Memali," kata Perdana Menteri lagi.

Beliau juga mengingatkan bahawa peranan guru agama lebih berat daripada guru-guru biasa kerana ajaran mereka mengenai Islam akan menjadi pegangan kepada murid-murid.

Sebab itu sesuatu kepercayaan yang tertanam dalam sanubari seseorang, susah hendak dikikiskan seperti kepercayaan kepada orang yang menyembah batu atau matahari, mereka tidak percaya kepada agama, ujarnya.

"Sekalipun kita mengakui Islam sebagai agama yang paling baik, tetapi tidak semudah untuk menarik mereka yang menyembah batu atau matahari memeluk Islam kerana mereka telah terpengaruh dengan kepercayaan yang ditanam oleh guru mereka," katanya. Datuk Sri Dr. Mahathir tidak menafikan guru-guru agama juga mempunyai masalah seperti soal gaji dan kenaikan pangkat yang belum diselesaikan, tetapi mereka seharusnya memberi keutamaan kepada perkara yang lebih besar dari segi tanggungjawab mereka menyebarkan ajaran-ajaran Islam yang tepat.